

PANDUAN PERMOHONAN ATAS TALIAN (ONLINE) BAGI MENGIKUTI PENGAJIAN SEPENUH MASA DI INSTITUT PENILAIAN NEGARA (INSPEN)

PANDUAN 1 – MAKLUMAN DAN PERINGATAN

- Sila baca panduan permohonan ini dengan teliti untuk memudahkan proses permohonan kemasukan ke INSPEN secara elektronik.
- Antara syarat permohonan atas talian (online), pemohon **MESTI** mempunyai alamat e-mel yang sah dan boleh digunakan untuk mewujudkan akaun pengguna.
- Sila tekan butang **PENDAFTARAN** untuk mendapatkan akaun pengguna yang akan mengandungi **ID Pengguna** dan **Kata Laluan**.
- Bagi pemohon yang belum mempunyai alamat e-mail, dinasihatkan agar mendapatkannya dari mana-mana pembekal e-mel percuma seperti **yahoo, msn, hotmail** atau lain-lain.

PANDUAN 2 – SYARAT KELAYAKAN PEMOHON

- Pemohon dinasihatkan agar membaca syarat kelayakan kemasukan dan memilih program yang sesuai dengan kelayakan pemohon.
- Permohonan yang **TIDAK** melepasi kelayakan umum yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
- Memilih program pengajian yang ingin diikuti mengikut keutamaan. Pemohon diwajibkan mengisi pilihan program pengajian.
- Mendapatkan maklumat program yang hendak dipohon dengan membaca syarat-syarat kemasukan serta maklumat sokongan lain seperti pengiktirafan pengajian, bantuan kewangan, struktur pengajian dan lain-lain yang berkaitan yang mana maklumat berkenaan boleh diperolehi daripada prospektus pengajian.
- Sistem pemilihan calon adalah mengikut aplikasi pengkomputeran sepenuhnya.
- Tidak semua calon yang layak itu berjaya ditawarkan kerana bilangan tempat yang disediakan adalah sangat terhad.
- Tidak semua calon yang berjaya itu ditawarkan program pilihan kerana kemungkinan persaingan program yang dipohon.

PANDUAN 3 – MENGISI BORANG PERMOHONAN ATAS TALIAN (ONLINE)

- Borang permohonan dibahagikan kepada 15 halaman elektronik.
- Pemohon dinasihatkan supaya tidak mengambil masa yang terlalu lama untuk melengkapkan borang permohonan bagi mengelakkan sebarang masalah **TEKNIKAL**.
- Di setiap halaman elektronik, isikan semua maklumat yang dikehendaki. Apabila telah lengkap, tekan butang **SETERUSNYA**

- Sekiranya terdapat maklumat **MANDATORI** (*) yang tertinggal, sistem akan terus merujuk pemohon kepada ruang yang tertinggal apabila pemohon menekan butang **SETERUSNYA** .
- Sekiranya tidak ada maklumat yang tertinggal, maklumat yang diisi akan disimpan dan pemohon boleh meneruskan dengan memasukkan maklumat di halaman elektronik berikutnya.
- Untuk melihat semula atau ingin membuat pembedulan di mana-mana halaman elektronik yang berkaitan, klik butang **SEBELUM**

PANDUAN 4 – SEMAK BORANG PERMOHONAN ATAS TALIAN (ONLINE)

- Pemohon boleh menyemak kesemua maklumat yang diisi untuk tujuan pengesahan.
- Ini boleh dilakukan pada halaman elektronik **MAKLUMAN PEMOHON**, dengan cara menekan butang **SEMAK BORANG PERMOHONAN**
- Satu paparan penuh borang permohonan yang telah lengkap diisi akan dipaparkan. Jika ada sebarang kesilapan maklumat mahupun pindaan, sila lakukan pembedulan pada muka surat yang berkenaan dengan cara menekan butang **SEBELUM**
- Setelah melakukan pembedulan pemohon dikehendaki menekan butang **SETERUSNYA** untuk memastikan perubahan di simpan dan diterima.

PANDUAN 5 – HANTAR PERMOHONAN ATAS TALIAN (ONLINE)

- Setelah memastikan semua maklumat yang diisi telah disemak dan benar-benar pasti, pemohon dikehendaki menekan butang **HANTAR** untuk membolehkan borang permohonan diproses oleh sistem. Ini boleh dilakukan pada bila-bila masa tetapi sebelum tarikh tutup permohonan.
- **SETELAH PEMOHON MENEKAN BUTANG HANTA, PEMOHON TIDAK BOLEH LAGI MEMBUAT SEBARANG PEMBEDULAN. HANYA PERMOHONAN YANG TELAH MENEKAN BUTANG HANTAR SAHAJA YANG AKAN DITERIMA DAN DIPROSES UNTUK TUJUAN PENAWARAN KEMASUKAN.**

PANDUAN 6 – CETAK BORANG PERMOHONAN DAN PENGHANTARAN DOKUMEN RASMI

- Setelah menekan butang **HANTAR** , pemohon akan melihat paparan halaman elektronik **PENUTUP** yang menyatakan bahawa permohonan telah berjaya disimpan dan sedia untuk diproses.
- Pemohon diminta mencetak paparan ini sebagai rujukan/simpanan.
- Setelah proses pengisian borang permohonan atas talian (online) selesai, pemohon **DIMESTIKAN** menghantar se salinan semua dokumen yang berikut :

- i) Salinan Kad Pengenalan pemohon
- ii) Sekeping gambar terkini berukuran pasport
- iii) Salinan slip keputusan SPM
- iv) Salinan Sijil Kelahiran pemohon
- v) Salinan Sijil Berhenti sekolah
- vi) Bayaran WANG PROSES melalui Kiriman Wang/Wang Pos bernilai **RM 10.00** atas nama **PENGARAH INSTITUT PENILAIAN NEGARA**. Wang tunai **TIDAK** diterima. Catatkan **NAMA** dan **NO. KAD PENGENALAN** pemohon di bahagian belakang kiriman wang/wang pos tersebut.

- Semua salinan sijil/kad pengenalan dan slip yang dihantar ke INSPEN hendaklah **DISAHKAN BENAR** oleh Pengetua/Pegawai Kumpulan A/Wakil Rakyat/Jaksa Pendamai/Ketua Kampung.
- Semua dokumen yang berkaitan hendaklah dihantar sama ada melalui pos atau datang sendiri ke kampus Institut Penilaian Negara (INSPEN) sebelum **24.8.2009** di alamat seperti berikut :

**Pengarah INSPEN
Institut Penilaian Negara (INSPEN)
Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5, Persiaran Institusi Bangi
43000 Kajang
Selangor Darul Ehsan
(U.P. Ketua Pusat Akademik)**

- **PEMOHON DINASIHATKAN UNTUK MENGHANTAR SEMUA DOKUMEN BERKENAAN SEBAIK SAHAJA SELESAI MEMBUAT PERMOHONAN ATAS TALIAN (ONLINE APPLICATION) BAGI MENGELAKKAN SEBARANG MASALAH.**
- **KEGAGALAN PEMOHON UNTUK MENGHANTAR SEMUA DOKUMEN YANG BERKAITAN AKAN MENYEBABKAN PERMOHONAN CALON TIDAK AKAN DIPROSES. HANYA PERMOHONAN YANG TELAH LENGKAP SAHAJA AKAN DITERIMA DAN DIPROSES UNTUK TUJUAN PENAWARAN KEMASUKAN KE INSTITUT PENILAIAN NEGARA (INSPEN).**

PANDUAN 7 – PENGUMUMAN KEPUTUSAN PERMOHONAN

- Keputusan permohonan boleh disemak dan dijangka akan diumumkan pada minggu pertama bulan September 2009. Pemohon boleh menyemak keputusan permohonan dengan menghubungi Pusat Akademik, INSPEN di talian 03-8925 9377 atau 03-8924 7091.
- Pemohon yang tidak menerima apa-apa maklumat dari INSPEN, sama ada berjaya atau tidak, selepas 2 bulan dari tarikh tutup permohonan **adalah dianggap tidak berjaya**. Tiada surat menyurat akan dibuat mengenainya dan pemilihan calon yang berjaya adalah muktamad.

Disediakan Oleh:

Pusat Akademik, INSPEN

Jun 2009